

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

**NPM 001 - Pengantar Pengajian Muzium**

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **ENAM (6) SOALAN DI DALAM SATU (1) HALAMAN.**

Jawab **EMPAT (4)** soalan.

1. 'Kabinet barang-barang aneh' (cabinet of curiosities) dianggap oleh setengah sarjana sebagai titik permulaan wujudnya institusi permuziuman yang berkembang hingga ke hari ini. Bincangkan.

[25 markah]

2. Sejarah pengumpulan koleksi melalui beberapa fasa. Pilih salah satu daripada fasa-fasa tersebut danuraikan rasional di sebalik pengumpulan; sifat koleksi; dan bagaimana pengumpulan pada fasa berkenaan mempengaruhi bentuk pengumpulan berikutnya.

[25 markah]

3. Fungsi-fungsi tradisi muzium masih kekal. Bagaimanapun, muzium di dunia moden ini memberi penekanan kepada aspek perkhidmatan. Mengapa?

[25 markah]

4. Mengapakah muzium dianggap penting dalam sosio-budaya, politik dan ekonomi tempatan?

[25 markah]

5. Muzium dalam dimensi baru. Bincangkan.

[25 markah]

6. Apakah prospek permuziuman di Malaysia menjelang abad ke-21?

[25 markah]